



Perkhidmatan air

Dilaksanakan oleh Jabatan Kawal Selia Air dan Alam Sekitar
Australia Barat

Air di Wilayah Lautan Hindi

Jabatan Kawal Selia Air dan Alam Sekitar Australia Barat (Water) menyediakan khidmat berikut bagi pihak Kerajaan Australia, dengan biaya sepenuhnya:

- x nasihat dasar kerajaan tentang penggunaan sumber air yang optimum, pembangunan sumber air, serta perkhidmatan air yang cekap dan berkesan
- x penaksiran dan agihan: mengukur dan menaksir air bawah tanah demi mengelola bekalan dan mutu air bagi penggunaan konsumtif; serta menggunakan sains air bagi menyokong pengurusan air yang inovatif demi penggunaan konsumtif yang mapan sambil memenuhi keperluan alam sekitar dan sosial air
- x perancangan: mengenal pasti pilihan bekalan air di masa akan datang untuk memenuhi permintaan, serta melaksanakan peluang kitar semula dan kecekapan air
- x melindungi sumber air minum dengan mengukur, menilai dan mengelola impak penggunaan air pada akuifer; serta melaksanakan pengelolaan mutu air yang lebih baik untuk mengelakkan impak penggunaan tanah ke atas sumber air minum.

Apakah ertinya bagi saya?

Jabatan Kawal Selia Air dan Alam Sekitar – Air (Water):

- x menyokong pertumbuhan dan pembangunan Wilayah dengan menguruskan bekalan dan mutu air – sekarang dan untuk akan datang
- x berperanan menasihati agensi kerajaan yang lain tentang mengelola impak pada sumber air Wilayah berpunca daripada usul perancangan dan pembangunan tanah, misalnya lesen perlombongan.



Perancangan air menimbangkan berapa banyak air boleh dikeluarkan daripada sumber air tanah, sambil memelihara kelestarian sumber itu dan melindungi alam sekitar yang bergantung pada air.

Untuk penerangan lanjut

Butir-butir hubungan	
Telefon	08 6364 7000
Faks	08 6364 7001
E-mel	info@dwer.wa.gov.au
Laman sesawang	www.dwer.wa.gov.au